

ISU KEBOLEHPASARAN DAN KEBOLEHGAJIAN GRADUAN PRA-U TINGKATAN ENAM DI BAHAGIAN PANTAI BARAT SELATAN SABAH

*(THE ISSUE OF MARKETABILITY AND EMPLOYABILITY AMONG PRE-U GRADUATES
IN THE SOUTH WEST COAST DIVISION OF SABAH)*

Rozita @ Uji binti Mohammed¹, Falex J. Langkan²

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA
88997 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: +60107663008
E-mel: rozlim97@sabah.uitm.edu.my

² Pensyarah, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi
Universiti Teknologi MARA
88997 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: +60138990714
E-mel: falex994@sabah.uitm.edu.my

Abstrak: Dunia hari ini memperkatakan tentang kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan. Banyak penulisan dibuat berhubung dua agenda pokok ini dan dikaitkan dengan graduan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT). Bagaimana halnya dengan lepasan pra-u tingkatan enam yang turut dikenali sebagai 'graduan'? Apabila pihak kementerian berkaitan mengangkat kurikulum pelajaran tingkatan enam sebagai setaraf dengan diploma dan matrikulasi maka, peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seharusnya sama. Peluang untuk mereka bekerja juga patut setara dari aspek kelayakannya. Namun, apakah hakikatnya begitu? Setakat ini, belum ada kajian yang membincangkan isu kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u yang dilihat agak terpinggir dari arus perdana. Melihat dari aspek program persediaan mereka sebagai graduan holistik yang boleh dipasar dan digaji juga menimbulkan persoalan. Umum mengetahui, graduan universiti mempunyai program khusus bagi memastikan mereka memiliki ciri-ciri graduan holistik yang menepati kehendak pasaran. Bagaimana pula halnya dengan pra-u? Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti isu berkaitan kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u tingkatan enam yang membentuk pembolehubah bersandar dan tidak bersandar untuk kajian ini. Kajian turut menentukan faktor paling signifikan yang menyumbang kepada kebolehpasaran dan kebolehgajian 263 orang bakal graduan pra-u mewakili bahagian Pantai Barat Selatan Sabah.

Kata Kunci: Graduan, Pra-U Tingkatan Enam, Isu, Kebolehpasaran, Kebolehgajian.

Abstract: *World nowadays is talking about graduates' marketability and employability. Many articles are about the two main agendas which meant for graduates from the higher learning institution (HLI). What about students from the pre-u of form six which are also known as 'graduates'? When the related ministry upgraded the curriculum of form six as the same as diploma and matriculation, the chances for them to pursue their study at a higher level should be equivalent with. Same goes with their chances to be hired based on their academic qualification. However, is the reality like that? Up to date, there is no specific research done on the pre-u of form six graduates' marketability and employability. Their issue is a bit isolated from the mainstream. The program in preparing them as a holistic graduate could also be questioned. Many know that universities have a specific program to ensure their graduates fulfil the market demand. How about the pre-u of form six graduates? Hence, this research identifies the issues of pre-u marketability and employability that will form the dependent and independent variables of the study. This research also determines the most significant factor contributing towards graduates' marketability and employability among 263 form six students in the South West Coast Division of Sabah.*

Keywords: *Graduates, Pre-U of Form Six, Issue, Marketability, Employability.*

2018 JGBSE

1. Pengenalan dan Isu Kebolehpasaran dan Kebolehgajian Graduan


Graduan pra-universiti atau singkatannya pra-u ditafsirkan sebagai individu yang bergelar pelajar atau pra graduan sebelum memasuki alam universiti (DBP, 2007). Di Malaysia, terdapat dua aliran perdana pra-u iaitu untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) di bawah program matrikulasi dan tingkatan enam. Timbalan Menteri di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), YB Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching melalui persidangan Dewan Negara pada April 2014 mengatakan bahawa kedua-dua program matrikulasi dan tingkatan enam adalah berasaskan kurikulum yang sama. Hal sedemikian juga diperkatakan oleh Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu iaitu YB Tan Sri Muhyiddin Yassin melalui sebuah kenyataan akhbar bahawa Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia (STPM) adalah setaraf dengan program matrikulasi dan diploma bagi syarat melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda di universiti (Berita Harian, 2015). Ironinya, persepsi individu, keluarga dan masyarakat memandang rendah tingkatan enam berbanding matrikulasi dan diploma. Stigma masyarakat menganggap tingkatan enam sebagai pilihan terakhir untuk melanjutkan pelajaran bagi mana-mana pelajar yang tidak cemerlang dan tidak mendapat tempat di matrikulasi dan tawaran diploma masih berlaku. Cemuhan kepada pelajar pra-u sebagai pelajar 'low class' masih kedengaran dan sememangnya tidak adil untuk mereka diperlakukan sedemikian rupa.

Isu berhubung graduan pra-u tingkatan enam ialah bagaimana ukuran kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan boleh diterjemahkan apabila mereka menamatkan pengajian di tingkatan enam kelak? Dua tahun masa dihabiskan untuk menghadapi STPM. Apakah mereka sudah dilengkapi dengan modul kemahiran insaniah sebagaimana juga program *finishing school* bagi mempersiapkan mereka sebagai graduan yang holistik yang diterima masuk ke universiti atau majikan? Graduan secara literalnya bermaksud individu yang telahpun tamat pengajian di institut pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun institut pengajian tinggi swasta

(IPTS). Menurut Zafir et al. (2015) graduan ialah produk IPT yang memasuki alam pekerjaan dan menjadi sebahagian daripada tenaga kerja sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta. Selain itu, artikel yang ditulis oleh Zin Mahmud seorang wartawan dari Utusan Malaysia menyatakan bahawa graduan adalah seseorang lepasan universiti yang telah lulus peperiksaan mereka tetapi masih belum mengambil ijazah dalam upacara konvokesyen. Jika dilihat kesetarafan pra-u dengan diploma IPT, maka dapatlah dirumuskan bahawa lepasan pra-u juga merupakan seorang graduan. Namun, berbalik kepada isu yang diajukan sebelum ini iaitu apakah kayu ukuran kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u lepasan STPM ini?

Memiliki kerjaya sejurus seorang graduan menamatkan pengajian di sesebuah pusat pengajian tinggi adalah salah satu ukuran kebolehpasaran siswazah. Menurut Shaharuddin *et al.* (2011), status bekerja dan pekerjaan graduan adalah jaminan kelangsungan hidup mereka yang telah melalui proses pembangunan modal insan semasa belajar bagi mengisi pelbagai jawatan yang diperlukan untuk pembangunan nasional. Menurutnya lagi, kebolehpasaran seseorang graduan adalah berbeza-beza sifat dan darjahnya. Persoalan bidang ilmu yang mereka ikuti dan *Cumulative Grade Point Average* (CGPA) atau Purata Nilai Gred, selain daripada kemahiran insaniah dan faktor peribadi adalah antara faktor kebolehpasaran graduan. Tetapi lain pula halnya dengan kebolehgajian yang mempunyai maksud lebih mendalam daripada hanya sekadar peluang pekerjaan. Harvey (2003) menyatakan bahawa untuk menerapkan kemahiran kebolehgajian, pelajar perlu dilengkapi ciri-ciri yang betul dan teknik atau pengalaman untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan, supaya mereka mampu mencapai kemajuan dalam kerjaya. Sebenarnya, kebolehgajian adalah mengenai pembelajaran dan penekanan adalah lebih kepada 'keupayaan' dan kurang menumpu kepada 'pekerjaan'. Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dirangkumkan isu berhubung kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u tingkatan enam adalah seperti berikut (rujuk Rajah 1.1):


Rajah 1.1 Isu Kebolehpasaran dan Kebolehgajian Graduan Pra-U



2. Pernyataan Masalah

Sejak akhir-akhir ini, isu berhubung kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan mula dibangkitkan ekoran daripada kadar pengangguran yang menunjukkan tren kenaikan dalam kalangan graduan tempatan. Apa yang membimbangkan ialah kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur di antara 20 hingga 24 tahun (lepasan STPM, matrikulasi dan diploma) adalah antara yang tertinggi iaitu (189,000 orang) berbanding yang berkelulusan SPM ke bawah (84,000 orang) pada tahun 2015 (rujuk Rajah 2.1). Manakala, graduan menganggur dalam kalangan yang berpendidikan tinggi adalah lebih tinggi iaitu pada 15.3%, berbanding belia yang tidak berpendidikan tertiar iaitu 9.8%.

Rajah 2.1 Kadar Pengangguran Mengikut Kumpulan Umur 2015 ('000)



Sumber: Mohd Ibrahim dan Mahyuddin (2016)

Saban tahun, graduan yang dahulunya menganggur bertambah sukar peluang untuk bekerja dengan wujudnya jumlah graduan yang baru menamatkan pengajian. Lambakan dan longgokan graduan di pasaran buruh memberi kesan negatif terhadap ekonomi negara. Isu ini bukanlah satu isu yang baharu. Malah, pihak kerajaan telahpun mengambil langkah proaktif dalam membendung masalah ini dengan menyediakan pelbagai bantuan sosial seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), penstrukturan baharu bayaran balik PTPTN dan Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M), namun masih ramai graduan di luar sana yang masih menunggu dan mencari peluang pekerjaan. Tidak terkecuali, graduan yang telah menamatkan pengajian mereka di peringkat pra-u tingkatan enam. Pengangguran dalam kalangan graduan boleh dianggap sebagai satu kepincangan sistem pendidikan peringkat tinggi negara dalam melahirkan graduan yang memenuhi permintaan majikan. Seakan ada 'gap' di antara permintaan dan penawaran buruh di sektor pekerjaan. Walaupun banyak penambahbaikan telah dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi tahap kebolehpasaran graduan IPT, masih terdapat banyak rungutan yang dikemukakan oleh para majikan tentang kualiti para graduan hari ini. Antara rungutan yang sering dikemukakan oleh para majikan adalah kelemahan para graduan dalam aspek kemahiran insaniah (*soft skill*) seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran membuat keputusan, penguasaan bahasa Inggeris dan sebagainya (Muhammad, 2012). Bagaimana pula kompetensi

graduan pra-u lepasan STPM? Sedangkan graduan universiti sekalipun menghadapi masalah kebolehpasaran dan kebolehgajian, inikan pula graduan lepasan pra-u tingkatan enam.

3. Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, beberapa persoalan kajian dapat disimpulkan antaranya apakah pembolehubah tidak bersandar yang mempengaruhi kebolehpasaran dan kebolehgajian khususnya pelajar pra-u tingkatan enam dan pembolehubah yang manakah sangat signifikan yang menyumbang kepada kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan terbabit? Justeru, objektif kajian terdiri daripada:

- a. Mengenal pasti isu kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u tingkatan enam di negara ini amnya.
- b. Menentukan pembolehubah tidak bersandar yang mempengaruhi kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u tingkatan enam khususnya di bahagian Pantai Barat Selatan Sabah.
- c. Mengukur pembolehubah tidak bersandar yang paling signifikan mempengaruhi kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u tingkatan enam khususnya di bahagian Pantai Barat Selatan Sabah.

4. Kajian Literatur

Kajian literatur membincangkan perkaitan di antara pembolehubah tidak bersandar iaitu latihan, kemahiran insaniah, sikap graduan, isu pengangguran dan profil/demografik responden terhadap pembolehubah bersandar (kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan).

- a. Latihan
Latihan merupakan program yang dirancang untuk menambah baik prestasi individu yang membawa kepada perubahan dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap mahupun kelakuan sosial. Menurut Huzili *et al.* (2008), latihan diperlukan oleh seseorang untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran baharu bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada. Menghadiri bengkel ataupun kursus semasa proses pembelajaran boleh membantu para bakal graduan dalam menyediakan dan mempersiapkan diri mereka ke alam pekerjaan. Sebagai contoh, menghadiri bengkel menulis *resume* mendapat tip-tip berguna dan seterusnya menambah pengetahuan dan merangka *resume* yang boleh menarik perhatian bakal majikan atau sesiapa berkenaan.
- b. Kemahiran Insaniah
Merujuk kepada kenyataan Utusan Online (2017), kemahiran insaniah boleh dikaitkan dengan aspek kualiti peribadi yang merangkumi erti tanggungjawab, kepercayaan diri, mampu bekerja dalam pasukan, pengendalian diri, kemampuan berkomunikasi, integriti dan juga kemampuan diri dalam mengendalikan pelbagai situasi. Kemahiran berkomunikasi ataupun berinteraksi dalam Bahasa Inggeris mahupun Bahasa Melayu merupakan salah satu 'soft skill' yang amat diperlukan oleh para graduan lebih-lebih lagi dalam menghadiri temuduga. Selain itu, keyakinan dalam percakapan dan kebolehan dalam menjawab soalan-soalan temuduga juga diambil kira sebagai penentu sama ada peserta temuduga berjaya ataupun tidak. Oleh yang demikian, pentingnya para graduan untuk memantapkan kemahiran insaniah.
- c. Sikap
Menurut Huzili *et al.*, (2008) sikap individu yang suka membuat alasan merupakan 99% punca kegagalan dalam mendapatkan pekerjaan. Tambahan lagi, sikap para

graduan yang memilih kerja menyumbang kepada peningkatan jumlah pengangguran. Sesetengah graduan beranggapan bahawa pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat ataupun institusi itu tidak setaraf dengan kelulusan mereka ataupun tidak bersesuaian dengan bidang yang mereka ceburi. Mereka lebih rela menganggur kerana 'mindset' mereka yang sanggup menunggu pekerjaan yang sesuai daripada menjawat jawatan yang tidak setimpal dengan kelayakan mereka. Ini merugikan sektor yang memerlukan tenaga kerja kerana ketiadaan pekerja mahupun pelapis dalam bidang tertentu.

d. Pengangguran


Pengangguran dalam kalangan graduan merupakan salah satu isu yang sering dibincangkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Penubuhan lebih banyak IPTA oleh kerajaan dan penyertaan pihak swasta dalam sektor pendidikan memberi impak ke atas pembangunan dan perubahan negara. Perkembangan yang berlaku menyebabkan jumlah tenaga kerja negara meningkat dalam pasaran pekerjaan sehingga menyebabkan berlakunya pengangguran dalam kalangan graduan (Siti Hajar dan Maimunah, 2012). Isu pengangguran sering dikaitkan dengan isu kebolehpasaran graduan di mana saban tahun jumlah keluaran graduan IPT meningkat dibandingkan dengan tawaran kerja.

e. Profil/Demografik

Banyak kajian lampau menjadikan profil responden juga sebagai pembolehubah yang boleh mempengaruhi tindak tanduk responden dalam memberi pandangan atau penerimaan mereka berkaitan kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u khususnya untuk lepasan tingkatan enam. Norudin dan Ahmad Syazli (2005) mengatakan bahawa dalam banyak hal, faktor profil responden atau demografik seperti umur, jantina, bangsa, agama dan latar belakang akademik merupakan perkara penting dalam mengkaji terhadap penerimaan sesuatu isu dalam kelompok tertentu.

Setelah mengambil kira kajian lampau di atas maka secara ringkasnya, kerangka konsep kajian dapatlah disimpulkan seperti dalam Rajah 4.1. Di mana lima pembolehubah tidak bersandar dikenal pasti (latihan, kemahiran insaniah, sikap, isu pengangguran dan profil/demografik responden) berdasarkan literatur bagi menentukan pembolehubah bersandar iaitu kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u lepasan tingkatan enam/STPM.

Rajah 4.1 Kerangka Konsep Kebolehpasaran dan Kebolehgajian Graduan Pra-U



5. Skop dan Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan beserta borang soal selidik dan mengaplikasi pendekatan penerokaan. Data prima yang dikumpul secara langsung bertujuan untuk membincangkan perkaitan di antara pembolehubah tidak bersandar yang mempengaruhi kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u, sebagai pembolehubah bersandar. Responden kajian ini merupakan pelajar tingkatan enam dari tiga buah sekolah iaitu SMK Putatan, SMK Kinarut dan SMK Limbanak iaitu mewakili bahagian Pantai Barat Selatan. Mereka merupakan peserta program *finishing school*, iaitu program pertama seumpamanya diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pendidikan Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) yang dinamakan 'Hebat Diri Melonjak Identiti' (HDMI). Program ini menekankan empat pengisian:

- a. Modul I – Modul Pemetaan Minda dan Penetapan Matlamat
- b. Modul II – Modul Penulisan *Resume*
- c. Modul III – Modul Temuduga
- d. Modul IV – Modul Penampilan Diri

Program HDMI telah berlangsung selama sehari pada 22 Ogos 2017 bertempat di Dewan Majlis Daerah Putatan. Pengagihan soal selidik dilakukan dengan menggunakan teknik persampelan purposif (*purposive sampling*) di mana kriteria dan sasaran sampel telah dikenal pasti. Kaedah pengumpulan data kajian ini adalah melalui borang soal selidik yang diedarkan sebelum program HDMI dijalankan. Sebanyak 400 borang soal selidik telah diagihkan kepada responden kajian dan maklum balas yang lengkap diterima adalah sebanyak 64.2% iaitu 263 responden. Instrumen bagi penyelidikan ini merupakan borang soal selidik berstruktur yang mengandungi lima bahagian utama iaitu Bahagian A – Latihan, Bahagian B – Kemahiran Insaniah, Bahagian C – Sikap, Bahagian D – Isu Pengangguran, Bahagian E – Kebolehpasaran dan Kebolehgajian Graduan Pra-U dan yang terakhir ialah Bahagian F – Latar Belakang Responden. Skor soalan di Bahagian A sehingga Bahagian E disusun menggunakan teknik Skala Likert bermula dari skor 1 – dikategorikan sebagai 'sangat tidak setuju', skor 2 – sebagai 'tidak setuju', skor 3 – sebagai 'tidak pasti', skor 4 – sebagai 'setuju' dan skor 5 – dikategorikan sebagai 'sangat setuju'. Bahagian F pula disusun menggunakan kombinasi kaedah nominal dan ordinal. Terdapat lima faktor utama yang menjadi pokok persoalan kepada kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u dalam kajian ini. Faktor-faktor ini terdiri daripada latihan, kemahiran insaniah, sikap, isu pengangguran dan profil/demografik di bawah pembolehubah tidak bersandar dan kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u lepasan tingkatan enam/STPM sebagai pembolehubah bersandar.

6. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian akan membincangkan berkaitan antara pembolehubah yang menjadi kerangka konsep kepada kajian. Analisis kebolehpercayaan (reliability) menunjukkan hubungan yang kuat antara item soalan iaitu dengan bacaan *Cronbach Alpha* pada 0.832 dengan 41 jumlah item.

a. Profil Responden

Profil responden menunjukkan bahawa sebahagian besar responden adalah perempuan (78.7%) berbanding lelaki (21.3%). Dari segi umur, majoriti responden berumur dalam lingkungan 17-21 tahun (99.2%) manakala 0.8 % responden berumur di antara 22-26 tahun. Dari segi bangsa pula menunjukkan 30.0% responden berbangsa Bajau diikuti

bangsa Kadazan/Dusun (17.1%), Melayu (14.1%), Brunei (13.7%), lain-lain (12.9%), Bugis (11.8%) dan Murut (0.04%). Dari segi agama, majoriti responden beragama Islam iaitu sebanyak 85.2%. Manakala, 14.4% beragama Kristian dan yang terakhir 0.04% responden beragama lain-lain.

b. Korelasi antara Pembolehubah

Korelasi Pearson digunakan untuk mengetahui hubungan antara dua pembolehubah dengan taburan data yang normal. Menurut Babbie et al. (2003) jika nilai kolerasi 1 maka ia mempunyai kaitan yang sangat kuat, jika nilai kolerasi 0.30 sehingga 0.99 dianggap mempunyai kaitan yang kuat, nilai kolerasi 0.10 sehingga 0.29 menunjukkan kaitan yang sederhana, nilai kolerasi 0.01 sehingga 0.09 menunjukkan kaitan yang lemah manakala nilai kolerasi 0.00 adalah tidak saling berkaitan. Jadual 6.1 menunjukkan korelasi di antara pembolehubah tidak bersandar (latihan, kemahiran insaniah, sikap, pengangguran dan profil/demografik) dan pembolehubah bersandar (kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u). Korelasi di antara kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan dengan pembolehubah tidak bersandar iaitu latihan, kemahiran insaniah dan sikap menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah ini mempunyai korelasi yang kuat iaitu masing-masing 0.426, 0.620 dan 0.573 manakala kolerasi di antara kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan dengan pengangguran adalah sederhana iaitu 0.275 dan korelasinya dengan profil/demografik adalah tidak berkait iaitu pada -0.009, bersifat negatif serta hanya faktor ini dianggap tidak signifikan berbanding empat pembolehubah tidak bersandar yang lain (rujuk Rajah 6.1).

Rajah 6.1 Korelasi di antara Pembolehubah Bersandar dan Tidak Bersandar

<i>Pembolehubah Tidak Bersandar Graduan Pra-U</i>						
<i>Pembolehubah Bersandar</i>	<i>Korelasi</i>	<i>Latihan</i>	<i>Kemahiran Insaniah</i>	<i>Sikap</i>	<i>Pengangguran</i>	<i>Profil/ Demografik</i>
	<i>Pearson</i>	0.426**	0.620**	0.573**	0.275**	-0.009**
	<i>Sig. (1-tailed)</i>	0.000	0.000	0.000	0.000	0.889
	<i>N</i>	263	263	263	263	263

** Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed)

Secara keseluruhannya, daripada kelima-lima pembolehubah tidak bersandar di atas, faktor kemahiran insaniah mencatatkan korelasi yang paling tinggi. Berdasarkan sorotan kajian yang telah dilakukan, ramai pengkaji bersetuju bahawa kemahiran insaniah merupakan faktor penting dan sangat signifikan dalam mengukur kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan. Menurut kajian longitudinal yang dilakukan oleh Universiti Malaysia Terengganu, faktor utama yang menyumbang kepada pengangguran dalam kalangan graduan masa kini ialah kelemahan aspek kemahiran insaniah. Kajian ini diperkukuhkan melalui kajian yang dilakukan oleh Hazilah *et al.* (2013), bahawasanya majikan sama ada sektor awam mahupun swasta masa kini cenderung untuk mengutamakan graduan yang memiliki kemahiran insaniah untuk menjawat jawatan yang disediakan. Secara dasarnya, kebolehpasaran dan kebolehgajian seseorang graduan akan terjejas sekiranya gagal menyiapkan diri dalam aspek kemahiran insaniah. Menurut Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM (2017), kemahiran insaniah tidak mempunyai definisi yang khusus namun kemahiran insaniah ini dikaitkan dengan trait personaliti seseorang individu, pandai berkomunikasi dan berkenalan, mempunyai daya

tahan serta berinovatif. Istilah lain yang sering digunakan untuk merujuk kepada kemahiran insaniah seperti 'soft skills', 'key competencies', 'key skills', 'core skills' atau 'employability skills'. Sementara itu Zalizan dan Norzaini (2006), pula menyatakan kemahiran insaniah sebagai kemahiran teras yang diperlukan graduan dalam meningkatkan kemahiran diri dan keupayaan individu dalam pelbagai bidang sewaktu bekerja. Kemahiran ini merangkumi kemahiran komunikasi, kemahiran melibatkan nombor, kemahiran pengurusan maklumat dan teknologi, kemahiran belajar dalam kumpulan dan kemahiran pengurusan projek. Namun secara umumnya, masyarakat pada masa kini mengakui bahawa kemahiran insaniah adalah kemahiran yang sangat diperlukan. Ianya merangkumi banyak perkara termasuk kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran teras, kemahiran personal, kemahiran keusahawanan malah kemahiran komunikasi. Justeru, sistem pendidikan Malaysia melalui KPT telah menerapkan kemahiran insaniah sebagai pendekatan yang dirangka bagi membantu membangunkan modal insan para graduan. Malah kemahiran insaniah menjadi agenda utama yang turut digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RM Ke-9) dan seterusnya diterjemahkan ke dalam Agenda Kritikal Pelan Strategik Pengajian tinggi Negara (PSPTN). Terkini, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh telah mengambil tindakan proaktif dengan memperkenalkan kaedah Sistem Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegritas atau iCGPA bertujuan untuk melahirkan graduan holistik.

7. Kesimpulan dan Cadangan

Kajian mendapati faktor kemahiran insaniah, sikap, latihan dan isu pengangguran adalah relevan dengan kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u. Kajian ini menolak faktor profil atau demografik sebagai pembolehubah yang mempengaruhi kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan. Modul kemahiran insaniah berkaitan kebolehpasaran dan kebolehgajian dalam kalangan graduan pra-u juga perlu dirangka agar lepasan STPM kekal relevan. Kemahiran insaniah menunjukkan faktor yang paling signifikan dan dikatakan paling tinggi menyumbang kepada kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan. Jika dilihat daripada hasil kajian, penerapan kemahiran insaniah di kalangan graduan adalah sangat penting dan perlu dilaksanakan secara berterusan untuk melahirkan graduan yang bersifat holistik dan mampu berdaya saing dalam pasaran kerja. Tiba masanya untuk menghentikan tanggapan negatif terhadap graduan pra-u kerana mereka juga menikmati kurikulum yang sama dengan matrikulasi dan sepatutnya terjamin haknya untuk melanjutkan pelajaran sebagaimana lepasan matrikulasi. Bagi kajian ini, beberapa rumusan cadangan boleh disimpulkan bagi meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u. Antaranya adalah program keusahawanan *Women in Social Entrepreneurship* (WISE) yang dijalankan melalui kolaborasi UiTM Cawangan Sabah dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Pejabat Wilayah Sabah Barat bertujuan untuk mendedahkan para siswazah dengan aktiviti keusahawanan dan memberi peluang untuk mengaplikasikan kemahiran keusahawanan mereka. Ini secara tak langsung mempersiapkan para graduan dengan alam kerjaya sebagai usahawan. Selain itu, mendedahkan siswazah dan bakal graduan dengan aktiviti di lapangan atau luar kelas seperti Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan. Dengan adanya program seperti ini, mereka lebih terdedah dengan dunia luar dan seterusnya dapat memupuk nilai-nilai murni membentuk sikap serta kemahiran individu. Pihak sekolah juga perlu memikirkan satu mekanisme dalam meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u dengan menawarkan lebih banyak kursus dan latihan seperti program *CEO@School* bagi membuka ruang kepada pengurusan tertinggi industri bersama para siswa siswi pra-u di samping kursus temuduga, membuat *resume* dan

ketrampilan diri. Ini boleh dicapai menggunakan Strategi Lautan Biru (BOS) bersama rakan-rakan kolaborasi dan rakan strategik dalam kalangan industri serta NGOs.

8. Rujukan

- Babbie, E., Halley, F. and Jeanne, Z. 2003. *Adventures in Social Research: Data Analysis Using SPSS 11.0/11.5 for Windows (5th edition)*. USA: Sage Publications.
- Berita Harian (2015). Pusat Tingkatan Enam Ubah Persepsi Pelajar dimuat turun pada 30 November 2017 di <https://www.bharian.com.my/node/66781>
- DBP (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harvey, L. (2003). *Transition from Higher Education to Work*. Dimuat turun pada 30 November 2017 di <http://www.palatine.ac.uk/files/emp/1235.pdf>
- Hazilah Mohd Amin, Johari Jaafar, Zaihosnita Hood, Saidah Saad & Hamizah Mohd Amin. (2013). Kemahiran Insaniah Pelajar Prasiswazah: Analisa Perbezaan Jantina. *Jurnal Teknologi*. 61(1): 19-25.
- Huzili Hussin, Azman Zakaria & Muhammad Shukri Salleh (2008). *Memperkasa Mahasiswa Kejuruteraan Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah (Softskills)*. Universiti Malaysia Perlis Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (SOFT SKILLS) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Ibrahim, D.H. dan Mahyuddin, M.Z. (2016). *Pengangguran Belia di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Muhammad Hazrul Ismail. (2012). *Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan*. Prosiding PERKEM VII, Jilid 2, 906 – 913.
- Norudin, M. dan Ahmad Syazli, A.H. (2005). *Islamic Banks: An Empirical Investigation on the SME Preferences*. Prosiding MFA 7th Annual Conference, Kuala Terengganu.
- Pusat Pembangunan Kemahiran Isaniah (2017). *Kemahiran Insaniah*. Dimuat turun pada 1 Disember 2017 di <http://ppki.usim.edu.my/en/berita/aktiviti-staf/68-kemahiran-insaniah>
- Shaharuddin Ahmad, Noraziah Ali & Mohd Fauzi Hamzah. *Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian Perbandingan Antara Graduan Disiplin Sains dengan Bukan Sains*. *Jurnal Personalita Pelajar*, Bil 14: 81-90.
- Siti Hajar Abdul Rauf dan Maimunah Abdul Rauf (2012). *Keberkesanan Program Skim Latihan Graduan bagi Mengurangkan Kadar Pengangguran dalam Kalangan Siswazah*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Jilid 5, 3-12.
- Utusan Online (2017). *Poly's Voice Tingkat Kemahiran Insaniah Pelajar Politeknik*. Dimuat turun pada 1 Disember 2017 di <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/poly-s-voice-tingkat-kemahiran-insaniah-pelajar-politeknik-1.528460>
- Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof & Abd Hair Awang. (2015). *Antara Realiti dan Harapan – Kajian Empirik Persepsi Majikan Terhadap Prestasi Graduan Tempatan*. *Malaysian Journal of Society and Space*, Issue 10: 27-36.
- Zalizan Jelas dan Norzaini Azman. (2006). *Generic Skills Provision in High Education*. *International Journal of Learning* Vol. 12: 1447-1467.